

Bayi terapung di Sungai Klang

KOSMO 07/05/2010 M/S 10

PUCHONG - Seorang pemancing terkejut apabila menemui mayat bayi lelaki yang masih bertali pusat terapung di Sungai Klang dekat Kampung Bukit Lanchung di sini semalam.

Difahamkan, lelaki berusia dalam lingkungan 30-an itu terus berenang ke arah mayat bayi tersebut sebaik ternampak objek yang terapung kira-kira pukul 12 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar berkata, dia yang terperanjat dengan penemuan itu terus membawa mayat bayi malang itu ke tebing.

"Dia kemudian menghubungi polis bagi memaklumkan mengenai penemuan tersebut dan kita yang menjalankan siasatan percaya bayi tersebut sudah berada dalam sungai dalam tempoh dua atau tiga hari lalu berdasarkan keadaannya yang sudah lebam dan busuk," katanya ketika dihubungi semalam.

Tambahnya, siasatan awal mendapati tiada kecederaan pada tubuh bayi itu.



BEGINILAH keadaan mayat bayi lelaki yang ditemui di Sungai Klang, Puchong semalam.

Mayat bayi itu dihantar ke Hospital Serdang untuk dibedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran.